

07 SEP 1996

Singapura-Ling

KENYATAAN SINGAPURA TIDAK WAJAR, KATA DR LING

PETALING JAYA, 7 Sept (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata, kenyataan Singapura mengenai penyatuan semula Malaysia dan republik itu sebagai tidak wajar.

Beliau berkata, Singapura perlu lebih sensitif kepada jirannya dalam membuat sebarang kenyataan yang berkaitan dengan negara jiran itu.

"Komen mereka itu mungkin bagi kegunaan dalam negeri ... Tetapi mereka juga perlu sensitif dan cukup berpengetahuan yang dunia sedang mendengar," kata beliau kepada pemberita di majlis perasmian bangunan baru akhbar Nanyang Siang Pau di sini. Beliau diminta mengulas mengenai kekecewaan Umno terhadap kenyataan Singapura itu.

Dalam era teknologi maklumat hari ini, seluruh dunia sedang mendengar dan mereka perlu lebih sensitif akan jiran mereka. Saya berpendapat komen mereka dalam konteks ini tidak patut dan tidak wajar, kata Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga presiden Umno memberitahu pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno malam semalam yang Umno kecewa dengan Singapura kerana menggunakan Malaysia sebagai "bogey" untuk mengugut rakyat negara itu yang mereka akan menerima akibatnya iaitu bercantum semula dengan Malaysia jika hilang daya saing ekonomi.

Dr Mahathir memetik kenyataan daripada sebuah rencana di akhbar Straits Times Singapura pada Khamis lepas yang juga menyatakan "idea percantuman semula dengan Malaysia yang tidak diterima oleh rakyat Singapura menunjukkan mereka berpendapat republik itu perlu kekal sebagai masyarakat majmuk yang harmoni dengan meritokrasi sebagai prinsip panduan".

Dr Mahathir berkata kenyataan itu memberi gambaran yang kononnya meritokrasi dan keharmonian kaum tidak wujud di Malaysia.

Diminta mengulas lanjut mengenai kenyataan Singapura itu, Dr Ling berkata: "Perdana Menteri kita telah menjawab dengan baik, kita tidak mahu mereka yang gagal bercantum dengan Malaysia, kita hanya mahu mereka yang berjaya." -- BERNAMA

AFY PR